

Bina segera empangan, loji tertanggung

Oleh AQMAR ALLADAD

aqmar.alladad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Keimbangan mengenai kemungkinan berlaku krisis air di Lembah Klang dan Selangor pada tahun 2014 mungkin menjadi realiti sekiranya loji rawatan air dan empangan baharu tidak dibuat.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (Awer), S. Piarapakaran berkata, projek pembinaan loji Rawatan Air Sungai Langat 2, Projek Penyaluran Air Mentah Pahang Dan Selangor serta pembinaan empangan dan loji baharu di Salak Tinggi, Selangor yang tertanggung selama ini perlu disiapkan.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

ujarnya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai 2.2 juta penduduk di empat kawasan di Hulu Langat, Petaling, Sepang dan Kuala Langat kini berhadapan dengan gangguan bekalan air ekoran dua loji rawatan air air di Sungai Semenyih dan Sungai Langat kini telah beroperasi

“Sebenarnya, pembinaan projek ini tidak akan melenyapkan krisis yang dihadapi kerana penduduk semakin bertambah.

“Jadi, bekalan air amat diperlukan untuk menampung permintaan dengan bertambahnya premis cuci kereta, hotel dan kediaman,”

melebihi tahap maksimum.

Ekoran itu, bekalan air di keempat-empat daerah tersebut mula mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual secara tiba-tiba sejak awal tahun ini dan masalah yang sama mungkin akan berulang pada masa akan datang.

S. Piarapakaran menambah, pengeluaran bekalan air mentah sememangnya tidak mencukupi dan ia pasti akan berlaku di sesebuah kawasan yang mempunyai permintaan tinggi.

“Masalah ini berlaku kerana loji air berfungsi secara individu. Ini bermakna bekalan air dari loji lain turut disalurkan ke kawasan lain.

“Semua loji yang ada sudah mencapai hadnya. Kadar pengeluaran air juga tidak mampu menampung permintaan yang semakin meningkat di sesebuah kawasan,” katanya.